

Mendamaikan

» Laut biru, pasir pantai memutih dan kehijauan kampung **Pulau Mabul cukup mempesonakan**

B/H 9/9/12 MS 2.

55

LOKASI MESTI PERGI!

Oleh Zainuri Misfar
zainuri@bharian.com.my

Sekiranya ingin bercuti di sebuah pulau dengan impian untuk mencari ketenangan, Pulau Mabul di Sabah ini pastinya akan memakbulkan impian anda.


Sememangnya bagi mereka yang pernah bercuti di Pulau Mabul, pastinya tidak menafikan mengenai suasana yang mendamaikan di pulau ini.

Air laut yang membiru apabila dilihat daripada pandangan saujana mata memandang.

Di gigi pantai, dengan air yang cukup jernih boleh melihat dengan jelas kumpulan ikan daripada pelbagai spesies berenang bebas bagaikan tiada sempadan.

Pulau Mabul juga adalah antara pulau yang menjadi syurga kepada mereka yang gemarkan aktiviti menyelam. Hampir setiap hari ada saja kaki selam, baik pelancong tempatan mahupun luar negara menjajakkan kaki di pulau ini.

Bagi mereka yang tidak mempunyai lesen menyelam, memadai sekadar snorkling atau mandi manda di tepi pantai atau di jeti hotel. Mereka yang memang tidak suka menyelam, berenang atau berendam dalam laut, boleh bersiar-siar di sekitar pulau ini sambil berbual-bual dengan penduduk kampung yang cukup mesra ini.



1,001 keunikan

Pakej snorkeling di lokasi sekeliling pulau boleh dilakukan termasuk kunjungan ke beberapa pulau sekitar Mabul seperti Kapalai, Mataking, Siamil dan Mantabuan. Dan, bagi mereka yang gemarkan fotografi, perkampungan nelayan tradisional yang dihuni oleh kaum Bajau dan Suluk itu menawarkan 1,001 keunikan pemandangan dan wajah penduduknya

Duduk di balkoni hotel, resort atau melepak di bawah pondok di tepi pantai mahupun melepak di bawah pokok yang rendang dengan ditiup angin laut sepoi-sepoi bahasa cukup mengasyikkan sekali.

Apatah lagi kalau waktu itu perut pun kenyang membuatkan mata mudah terlelap. Begitulah damai-suasana pulau ini. Ketenangan



itu juga membuatkan kita boleh melupakan untuk seketika segala bebanan atau tekanan kerja.

Kepada yang gemar dengan aktiviti menyelam, anda boleh bebas berada di dasar laut dengan memerhatikan terumbu karang dan kalau bernasib baik berpeluang melihat sekumpulan penyu berenang bersama ikan-ikan kecil. Malahan kadang-kadang kita boleh terserempak dengan ikan jerung bersaiz kecil.

Sukar untuk menggambarkan dengan kata-kata santainya ketika berada di pulau ini. Melihat kepada keindahan laut dan persekitaran serta suasana damai ini membuatkan Pulau Mabul di perairan jernih Laut Sulawesi ini dianggap sebagai antara lokasi fotografi-makro terhebat di dunia.

Air yang surut sehingga ke paras lutut menampakkan dasar Mabul yang dipenuhi dengan rumpai laut, batu karang dan tapak sulaiman. Malahan boleh kelihatan beberapa ikan nemo yang bersarang di tepi tiang resort atau berenang di celah-celah batuan karang.

Impian yang termakbul

Pulau Mabul juga di sebuah Mabbul adalah pulau kecil terletak di tenggara Sabah. Nama mabul dikatakan daripada bahasa Bajau Laut bermaksud makbul iaitu apabila doa mereka mencari perlindungan daripada ribut di laut, termakbul selepas menemui pulau ini.

Ia terletak hampir dengan Pulau Sipadan. Pulau ini kecil dan melengkung serta dikatakan terdapat banyak batu karang pelbagai jenis.

Batu karang menjadi tumpuan spesies ikan marin kerana terdapat banyak plankton di perairan pulau ini. Dasarnya pula tidak dalam, sesuai dengan kejadiannya sebagai pentas benua di Laut Sulawesi.



Pulau Mabul pada asalnya hanyalah sebuah perkampungan nelayan pada tahun 1970-an tetapi sejak tahun 1990, ia menjadi popular dikalangan penyelam kerana kedudukannya yang dekat dengan Pulau Sipadan.

Pulau ini terletak hanya dua hingga tiga meter daripada permukaan laut. Muka bumi pulau ini keseluruhannya rata dan daripada pandangan udara, berbentuk bujur.

Dikelilingi dengan pantai berpasir gebu, manakala pada bahagian barat lautnya pula terdapat terumbu karang seluas dua kilometer panjang.

Pulau Mabul terletak di bawah pentadbiran daerah Semporna.

Terdapat dua kampung utama di pulau ini dikenali Kampung Mabul dan Kampung Musu. Mengikut rekod pada 1999, pulau ini mem-

punyai 2000 penduduk. Majoritinya adalah pendatang daripada gugusan kepulauan Filipina selatan. Kebanyakannya adalah dari kaum Bajau Laut dan Suluk beragama Islam yang mengamalkan kehidupan berpindah randah.

Terdapat kemudahan asas seperti sebuah masjid, sekolah, pondok polis dan Dewan untuk kegiatan masyarakat dan aktiviti nelayan. Pengangkutan utama antara jeti ialah bot. Pendapatan utama penduduk di sini adalah hasil tangkapan laut. Mereka menggunakan kaedah tangkapan tradisional yang dikenali sebagai Payau dan Sangkaliya.

Nelayan di sini lebih senang menangkap ikan berhampiran sempadan Malaysia dan Filipina. Secara purata, setiap nelayan akan mengambil masa tiga hingga lima hari di laut. Selalunya mereka menjual hasil tangkapan di Semporna.

Antara penginapan di Pulau Mabul.

B/H 9/9/12
MS 3.

INFO

⊙ Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia menyediakan penerbangan terus setiap hari dari Kuala Lumpur - Tawau atau Kuala Lumpur - Kota Kinabalu - Tawau

⊙ Penerbangan terus Kuala Lumpur ke Tawau mengambil masa kira-kira dua jam 45 minit, manakala Kota Kinabalu ke Tawau kira-kira 45 minit.

⊙ Jarak dari Lapangan Terbang Tawau ke Semporna kira-kira 100 kilometer. Perjalanan mengambil masa kira-kira satu jam 45 minit.

⊙ Dari Semporna, sewa minimum bot laju berharga RM150.

⊙ Permit untuk menyelam disediakan di Pulau Mabul tetapi sebaik-baiknya diuruskan lebih awal.



Penginapan di Semporna



Pelancong luar dan tempatan bersiap sedia dijети untuk memulakan aktiviti menyelam



- ⊙ **Hotel Seahat**, Jln Kastam, Semporna
- ⊙ **Dragon Inn** (Chalet terapung), Jalan Kastam
- ⊙ **Arung Hayay Resort**, Jalan Pinggir Bakau
- ⊙ **Sipadan Inn**, Baru Baru Pekan Semporna
- ⊙ **City Inn**, Bandar Semporna
- ⊙ **Lee Resthouse**, Semporna
- ⊙ **Scuba Junke Backpackers**, Bandar Baru Semporna
- ⊙ **Rumah Rehat** Kerajaan, Semporna
- ⊙ **Seafest Inn**, Jalan Kastam
- ⊙ **Singamata Adventure Water Chalet**

Penginapan di Pulau Mabul

- ⊙ **Sipadan Water Village** - Pulau Mabul & Kappalai
- ⊙ **Abdillah Sipadan Paradise** - Mabul
- ⊙ **The Reef Dive Resort** - Mataking
- ⊙ **Borneo Divers** - Mabul
- ⊙ **Seaventures** - Mabul
- ⊙ **Explore Asia** (SMART Divers) - Mabul
- ⊙ **Pom-Pom Island Resort** - Pom-Pom
- ⊙ **Sipadan Kapalai Dive Resort** - Kapalai
- ⊙ **Uncle Chang Homestay** - Pulau Mabul